


http://www.konsumerkini.net.my/v1/images/stories/images/images_07092010_labels.jpg



Badan pembela pengguna Britain, Which? menyatakan bahawa pelabelan makanan yang mendakwa sebagai 'tulen', 'segar', 'semula jadi' dan 'benar' adalah di luar kawalan dan memang mengelirukan pengguna.

Kajian yang dilakukan oleh Which? mendapati 33 peratus pengguna berpendapat bahawa produk yang dilabel 'buah sebenar' mengandungi buah sebagai bahan utama dalam produk itu.

Manakala, 43 peratus mempercayai bahawa produk yang dilabel 'minuman jus' mengandungi sekurang-kurangnya 25% jus buah-buahan.

Kajian ini menunjukkan bahawa pengguna tidak dapat membezakan istilah yang digunakan pada pelabelan makanan. Pengguna hanya memilih berdasarkan perkataan asas dalam pelabelan seperti buah atau jus, tetapi mengabaikan maksud di sebaliknya.

Istilah 'jus buah-buahan' dan 'jus daripada konsentrat buah-buahan' adalah tertakluk dalam Undang-undang Pertubuhan Eropah, tetapi 'minuman jus' tidak terdapat dalam undang-undang.

Keadaan inilah yang menyebabkan Rubicon Sparkling Passion boleh menggunakan perkataan 'jus sebenar' dan 'minuman jus' pada pelabelan mereka, meskipun produk mereka hanya mengandungi 5 peratus jus daripada konsentrat buah-buahan. 5 peratus ini bukannya buah-buahan yang sebenar.

Pelabelan pada botol ini menyatakan ia mengandungi buah-buahan segar dan air bawah tanah yang memanfaatkan kesihatan; tetapi Which? menunjukkan bahawa mereka tidak melabelkan kandungan gula yang setinggi 22g per pek.

Which? mendapati pengguna sering keliru tentang istilah rasa dan berperisa, seperti yogurt rasa strawberi yang sebenarnya tidak mengandungi buah strawberi.

Jabatan Alam Sekitar, Makanan dan Hal Ehwal Pendalaman Britain (British Department of Environment, Food and Rural Affairs) menganggap perisa merupakan sesuatu yang dicipta dan tidak menunjukkan rasa sebenar.

Peraturan Makanan Eropah menyatakan pelabelan sepatutnya tidak mengelirukan pengguna. Agensi Standard Makanan (Food Standard Agency) mengeluarkan garis panduan tentang perkataan dan terma yang boleh digunakan, tetapi ia tidak diikat dengan undang-undang.

Walaupun bagaimanapun, penggunaan terma 'organic' dan 'free range' adalah dikawal ketat dari segi undang-undang.

Ketua Pegawai Eksekutif Which? Peter Vicary-Smith menyatakan bahawa perkara ini amat penting untuk difahami oleh para pengguna. Perkataan dan terma yang digunakan dalam pelabelan makanan mestilah jelas untuk memastikan pengguna mengetahui apa yang mereka ambil.



Sam Wong
Persatuan Pengguna-Pengguna Standard Malaysia